

27 JUN 2002

Britain-Hubungan/I

BRITAIN YAKIN HUBUNGAN DENGAN MALAYSIA TERUS KUKUH

SEREMBAN, 27 Jun (Bernama) -- Pesuruhjaya Tinggi British ke Malaysia, Bruce Cleghorn, berkata beliau yakin hubungan antara kerajaannya dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan terus baik apabila timbalan perdana menteri itu mengambil alih jawatan Perdana Menteri tahun depan.

"Kami harap hubungan dengan (Datuk Seri) Dr Mahathir (Mohamad) akan terus kukuh selagi beliau menjadi perdana menteri dan kami akan mempunyai hubungan yang serupa dengan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi apabila tiba masanya beliau mengambil alih jawatan perdana menteri," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad di sini.

Cleghorn berkata demikian apabila diminta mengulas proses peralihan pucuk pimpinan di negara ini.

Katanya, sejak akhir-akhir ini Perdana Menteri Britain Tony Blair dan Dr Mahathir mempunyai hubungan yang rapat.

"Mereka telah bertemu pada Februari, mereka saling mengutus surat kebelakangan ini berhubung isu sejagat termasuk (isu) Asia Barat. Hubungan antara kedua-dua negara sangat rapat.

"Di Britain, pada peringkat kerajaan dan di kalangan kebanyakan ahli perniagaan, saya rasa wujud kesedaran mendalam bahawa Malaysia adalah sebuah negara paling stabil dan makmur di rantau ini.

"Kami sangat yakin bahawa apabila berlaku perubahan di peringkat tertinggi dalam kerajaan, ia tidak akan melibatkan sebarang perubahan yang boleh menjejaskan pertumbuhan berterusan negara ini," kata Cleghorn.

Beliau berkata Malaysia akan terus kekal sebagai negara amat baik bagi tujuan perniagaan dan pelaburan serta yakin golongan peniaga dari negaranya akan terus memberi perhatian khusus kepada Malaysia.

-- BERNAMA

RP JK SP MAI